

**Penyelidik UPM Dapat Pingat Emas Anugerah Inovasi Nuklear Malaysia 2008**

Dr. M. Iqbal Saripan bersama pelajar sarjana yang terlibat dengan penyelidikannya

BANGI, 31 Julai – Tiga Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mendapat tiga pingat di Anugerah Inovasi Nuklear Malaysia 2008 pada Hari Inovasi Agensi Nuklear baru-baru ini.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan UPM, Dr. M. Iqbal Saripan berjaya mendapat pingat emas beserta Piala Pengerusi dan wang tunai sebanyak RM 1,000 melalui projek "Early Breast Cancer Detection using Wire Mesh Collimator Gamma Camera".

"Penyelidikan itu dapat meningkatkan keberkesanan kualiti gambar dengan menggunakan struktur pengkolimat baru dalam kamera yang boleh mengesan kanser dan tumor lebih awal," kata Dr. M. Iqbal.

Anugerah itu dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) di Agensi Nuklear Malaysia, Bangi yang berlangsung pada 16 hingga 18 Julai lalu.

Daripada tiga pingat emas yang ditawarkan, Agensi Nuklear Malaysia mendapat dua pingat emas dan bakinya UPM.

UPM juga memenangi pingat perak daripada Prof. Madya Dr. Mohd Basyarudin Abd. Rahman dari Fakulti Sains dan pingat gangsa daripada Prof Dr. Elias Saion dari Jabatan Fizik, Fakulti Sains, UPM dalam pertandingan tersebut. Seramai 26 peserta yang menyertai pertandingan tersebut iaitu 21 dari Agensi Nuklear Malaysia, empat dari UPM dan satu dari MARDI.

Majlis penganugerahan itu dirasmikan oleh Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear, Datuk Dr. Daud Mohamad.

Disediakan oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat.